

EDISI 13 / JUL - SEPT 2024  
Suara Mimbar diterbitkan secara suku-tahunan

PERCUMA

# SUARA MIMBAR

INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF

## KELAHIRAN INSAN TERAGUNG

m/s 30

FESTIVAL  
MAAL HIJRAH  
LABUH TIRAI  
m/s 4

PREMIER LANCAR  
MODEL MENARA  
MASJID  
m/s 6

SELAWAT BERGEMA  
DI MASJID JAMEK  
NEGERI SARAWAK  
m/s 17



لما يفتح الله امره ولا يفتقر الى ما يفتقر  
LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN  
MASJID NEGERI SARAWAK

ISSN 3009-1436



[www.lakmns.org.my](http://www.lakmns.org.my)



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain

### PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai  
Encik Mohamad Feisal bin Said

### PANEL EDITOR

Puan Megawati binti Haji Julaihi  
Puan Nona Zaharia binti Fadzil  
Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir  
Puan Siti Emiliana binti Mohamad Edmund  
Encik Khasmady bin Mahidi  
Encik Husmizam bin Ashek

### SUB-EDITOR

Puan Haryati binti Mohamad

### PENOLONG SUB-EDITOR

Mohamad Hanif bin Abudullah

### PENULIS/PENGARANG

Puan Dayang Siti Aisyah binti Mohd Atei  
Puan Nurulzia binti Ibrahim  
Encik Abang Zulkernain bin Abang Yusuf  
Encik Ahmad Hisham bin Mohd Yakob  
Cik Nusrin binti Mohamad Idris  
Ustazah Nursyafiqah binti Sulaiman  
Ustaz Muhammad Nur Izzat bin Muaz  
Encik Muhammad Hafiz Fadilah bin Bahar  
Puan Farah Farina binti Hossien

### PEREKA GRAFIK

Heiruzam Filani bin Mohamad

### JURUGAMBAR

Hadihizami bin Haidi  
Ammirol bin Harun  
Shafiq Ashrafy bin Haji Ghazali

### PENYELENGGARA/KOORDINATOR

Unit Multimedia, Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi

Diterbitkan Oleh : Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS)  
Alamat : Tingkat 8, Bangunan Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, 93050, Kuching Sarawak.  
Emel : publicity@lakmns.org.my  
No Tel : 082-440775

# INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF



**A**ssalamualaikum dan salam sejahtera kepada para pembaca Suara Mimbar yang budiman,

Selamat tahun Baharu hijrah buat muslimin dan muslimat! Alhamdulillah, sekali lagi kita diberi kesempatan untuk terus menghirup udara, tanda kita diberi kesempatan untuk mengutip seberapa banyak pahala. Itulah yang dinamakan nikmat yang berpanjangan.

Tarikh 1 Muharram 1446H, jatuh pada 8 Julai 2024, bukanlah hari untuk kita bersenang-lenang semata-mata. Bukan sekadar tarikh itu yang perlu kita raikan, namun roh serta ibrah daripada peristiwa itu yang harus kita renungi, yakni hijrah Rasulullah sallahu 'alaihi wasallam.

Sementelahan, bulan 22 Julai merupakan tarikh keramat buat warga Bumi Kenyalang yang menyambut Hari Sarawak, manakala 31 Ogos menandakan hari Kebangsaan buat tanah air tercinta ini. Justeru, marilah bersama-sama kita rapatkan saf, berganding bahu, meluruskan tekad dan kuatkan semangat untuk terus membangunkan negara kita yang tercinta ini dengan

Selamat membaca!

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

# KANDUNGAN

EDISI 13 / JUL - SEPT 2024



FESTIVAL MAAL  
HIJRAH  
1446H/2024  
LABUH TIRAI

4



LAKMNS LANCAR  
PELAN ABC

5



PREMIER LANCAR  
MODEL MENARA  
MASJID JAMEK  
NEGERI SARAWAK

6



KUNJUNGAN KERJA  
BIMB INVESTMENT  
MANAGEMENT BERHAD

7



SESI LIBAT URUS  
BAHAGIAN HAL EHWAL  
UNDANG-UNDANG

8



MAJLIS PERINGATAN  
HAUL KE-106  
SHAYKH 'UTHMAN  
SARAWAK

9



HARI SUKANEKA  
TADIKA TAHFIZ TUN  
ABDUL-RAHMAN  
YAKUB (TATTARY)

10



MAJLIS PENUTUPAN  
KURSUS ASAS  
PENGENDALIAN  
T-BATON SIRI 1/2024

11



KUNJUNGAN DARIPADA  
JAWATANKUASA TA' MIR  
DAN JEMAAH MASJID  
KAMPUNG MASIN.

12



MAJLIS HI-TEA BERSAMA  
JAWATANKUASA  
PENERBITAN BUKU  
LAKMNS

13



LAKMNS SERAH  
SUMBANGAN KEPADA  
MASJID DAN SURAU

14



KURSUS  
PENGURUSAN MAJLIS,  
PROTOKOL DAN  
ETIKET SOSIAL  
LAKMNS

15



SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN  
TATTARY

16



SELAWAT BERGEMA DI  
MASJID JAMEK NEGERI  
SARAWAK DAN MASJID  
BANDARAYA KUCHING

17



KUNJUNGAN  
HORMAT RUMPUN  
SILAT SARAWAK  
WILAYAH KUCHING

20



SEMAI SEMANGAT  
PATRIOTISME  
SEJAK KECIL

21



MASJID BANDARAYA  
KUCHING: SEJARAH  
DAN PERKEMBANGAN

22



HIJRAH DAN  
KEMERDEKAAN: APA  
YANG KITA FAHAMI?

24



DIDIK ANAK  
MENABUNG  
SEAWAL USIA

25



PELAN ABC  
LAKMNS

26



PRIMA FACIE DALAM KES  
JENAYAH DI MALAYSIA

27



PANDUAN  
PEMILIHAN LAMPU  
SOLAR YANG TERBAIK

28




ADA APA DENGAN  
RABIUL AWAL?

29



KELAHIRAN INSAN  
TERAGUNG

30



TENAGA HIDRO:  
ALTERNATIF BERSIH

31



INTERNET RADIO ISLAMIC SARAWAK  
Isnin - Jumaat 10 Pagi - 4 Petang



SILA IMBAS QR CODE  
UNTUK MUAT TURUN  
SEMUA PLATFORM  
MEDIA SOSIAL IRIS



# FESTIVAL MAAL HIJRAH 1446H/2024 LABUH TIRAI

Festival Maal Hijrah 1446H/2024 anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) melabuhkan tirainya pada 14 Julai 2024 setelah berlangsung tiga hari bermula 12 Julai 2024. Perasmian majlis penangguhan ini telah disempurnakan oleh Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Dalam ucapan perasmianya, Premier Sarawak berkata konsep hijrah membawa kita kepada pelbagai dimensi yang menjurus kepada perubahan yang positif. Ujarnya kerajaan negeri turut mengambil semangat penghijrahan ini melalui inisiatif meneroka pelbagai bidang baharu terutamanya melibatkan teknologi, biodiversiti dan kelestarian (sustainability), yang berpotensi memberi pulangan yang baik kepada Sarawak.

Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) Sarawak, Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Junaidi.

Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai dalam ucapannya berkata sejak pelaksanaannya pada tahun 2022, festival ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, termasuk dari kalangan bukan beragama Islam.

Datuk Dr. Abdul Rahman turut menyempurnakan acara menurunkan bendera sebagai simbolik penangguhan festival.

Turut hadir pada majlis ini Ahli-ahli Lembaga LAKMNS, ketua-ketua jabatan dan agensi Islam Sarawak, pengurusan kanan LAKMNS, serta ketua-ketua masyarakat sekitar Kuching.





# LAKMNS LANCAR PELAN ABC

14 Julai 2024 – Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah melancarkan sebuah pelan jangka panjang yang dinamakan sebagai Pelan ABC LAKMNS.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, pelan ini merupakan satu perancangan yang dirangka oleh LAKMNS bagi tempoh lima tahun yang disusun dengan bermatlamatkan untuk mewujudkan sebuah organisasi dan persekitaran yang aman, bahagia dan ceria, di samping memainkan peranan dalam agenda transformasi LAKMNS untuk tampil sebagai sebuah badan amanah yang mempunyai nilai korporat.

Pelan ini telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Junaidi yang mewakili Premier Sarawak pada Majlis Penangguhan Festival Maal Hijrah 1446H/2024.



# PREMIER LANCAR MODEL MENARA MASJID JAMEK NEGERI SARAWAK

26 Julai 2024 – Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah merasmikan model menara baharu bagi Masjid Jamek Negeri Sarawak. Pelancaran model ini berlangsung pada Majlis Menelusuri Kegemilangan LAKMNS bertempat di Anjung Masjid Jamek Negeri Sarawak.

Projek yang dijangka bermula pada tahun 2025 ini akan melibatkan empat buah menara utama setinggi 75 meter serta dua buah menara kecil setinggi 65 meter. Menara ini berkonsepkan tenaga hijau, yang mana ia akan dilengkapi dengan panel solar dan lampu rendah tenaga.

Turut dilancarkan pada majlis ini adalah buku terbitan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) berjudul Menelusuri Kegemilangan. Buku ini mengandungi susur galur penubuhan serta perkembangan masjid di bawah kendalian LAKMNS iaitu Masjid Bandaraya Kuching dan Masjid Jamek Negeri Sarawak serta perkembangan LAKMNS. Buku ini turut memaparkan maklumat tentang transformasi LAKMNS serta pencapaiannya sejak ditubuhkan.

Turut hadir pada majlis ini Timbalan Premier Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki, Ahli-ahli Lembaga LAKMNS, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Ybhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, serta pengurusan tertinggi LAKMNS, dan beberapa kenamaan negeri.



# KUNJUNGAN KERJA BIMB INVESTMENT MANAGEMENT BERHAD

Pada 29 Julai 2024 Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menerima kunjungan kerja daripada pihak BIMB Investment Management Berhad (BIMB), anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad. Kunjungan ini adalah sebagai mengeratkan silaturrahim di samping berkongsi perkembangan semasa dan perbincangan berkenaan potensi kerjasama strategik di antara kedua-kedua pihak.

Rombongan pihak BIMB Investment telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Puan Azdini Nor Azman. Turut serta adalah Pengurus Bahagian BIMB Sarawak, Encik Kamaruzzaman Padil.

Menyantuni kehadiran pihak BIMB Investment adalah Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said serta Ketua Pegawai Pelaburan Encik Husmizam bin Ashek dan Ketua Pegawai Kewangan Puan Nona Zaharia binti Fadzil.



# SESI LIBAT URUS BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI BERSAMA LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK.

Pada 30 Julai 2024, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menerima kunjungan delegasi dari Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mendengar perkongsian berkaitan Pentadbiran dan Pengurusan di LAKMNS.

Delegasi BHEUU juga diiringi oleh wakil dari Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak. Menyantuni kunjungan delegasi tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS serta barisan Ketua Pegawai LAKMNS.





# MAJLIS PERINGATAN HAUL KE-106 SHAYKH 'UTHMAN SARAWAK

Masjid Jamek Negeri Sarawak telah dimeriahkan dengan Majlis Peringatan Haul ke-106 Shaykh 'Uthman Sarawak yang berlangsung pada 27 Julai 2024.

Majlis dimulakan dengan bacaan Yaasin serta tahlil sebelum solat Maghrib, dan diikuti dengan bacaan manaqib dan pengkisahan riwayat hidup Shaykh 'Uthman Sarawak.

Hadir sama pada majlis ini adalah Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara, Tuan Haji Hilmy bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai dan Yang Dipertua ABIM Sarawak Encik Muhammad Zhariff bin Azhari.



# HARI SUKANEKA TADIKA TAHFIZ TUN ABDUL-RAHMAN YAKUB (TATTARY)

Pada 1 Ogos 2024 telah berlangsung Hari Sukaneka Tadika Tahfiz Tun Abdul-Rahman Yakub (TATTARY) bertempat di Dewan Hikmah, Petra Jaya Kuching.

Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohamad Feisal bin Said serta Ketua-ketua Pegawai dan Ketua-ketua Bahagian LAKMNS.

Acara dimulakan dengan perbarisan masuk empat kontijen iaitu Rumah Kuning Raja Nenas, Rumah Biru Blueberry, Rumah Merah Strawberry dan Rumah Hijau Starfruit, disusuli dengan bacaan doa oleh adik Syed Abu Bakar Adeni bin Syed Abdullah dan seterusnya bacaan ikrar dipimpin oleh adik Muhammad Khazin Haqqani bin Muhammad Khawar Hezazy.

Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi tersebut berakhir dengan Rumah Biru Blueberry muncul sebagai juara keseluruhan diikuti Rumah Kuning Raja Nenas di tempat kedua, manakala Rumah Merah Strawberry dan Rumah Hijau Starfruit masing-masing di tempat ketiga dan keempat. Rumah Biru Blueberry turut diumumkan sebagai juara perbarisan.

Suasana meriah sepanjang program berlangsung dengan teriakan sokongan daripada guru-guru serta ibu bapa murid-murid.



# MAJLIS PENUTUPAN KURSUS ASAS PENGENDALIAN T-BATON SIRI 1/2024

Majlis Penutupan Kursus Asas Pengendalian T-Baton Siri 1/2024 Anggota Polis Bantuan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah berlangsung pada 3 Ogos 2024 bertempat di anjung utama Masjid Jamek Negeri Sarawak.

Majlis yang bermula seawal jam 8.00 pagi tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBrs Encik Mohamad Feisal bin Said yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS. Turut hadir adalah Inspektor Awang Iswandi bin Awang Mahmudin yang mewakili Komandan Pulapol Kuching, Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan dan Perkhidmatan LAKMNS Puan Hajah Megawati binti Haji Julaihi, serta pegawai-pegawai kanan LAKMNS.

Kursus yang disertai 15 orang anggota Polis Bantuan LAKMNS ini telah berlangsung pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2024 dengan bimbingan jurulatih Pulapol Kuching iaitu Sarjan Mejar Razali bin Amin dan Sarjan Joseph anak Elis.



## KUNJUNGAN DARIPADA JAWATANKUASA TA'MIR DAN JEMAAH MASJID KAMPUNG MASIN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menerima kunjungan daripada Jawatankuasa Ta'mir dan Jemaah Masjid Kampung Masin, Negara Brunei Darussalam bertempat di Masjid Jamek Negeri Sarawak pada 6 Ogos 2024,

Rombongan ini telah diketuai oleh Penasihat Jawatankuasa Ta'mir Masjid Kampung Masin, Tuan Haji Junaidi bin Haji Omar dan diiringi oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid merangkap Pengerusi AJK Ta'mir Masjid Kampung Masin, Encik Awg Jeffrey Hj Metassim.

Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai yang menyantuni rombongan berkesempatan untuk memberikan taklimat berkenaan perkembangan terkini di LAKMNS dan Masjid Jamek Negeri Sarawak.

Turut serta menyantuni rombongan adalah Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-masjid LAKMNS, Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir.



# MAJLIS HI-TEA BERSAMA JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU MENELUSURI KEGEMILANGAN

Satu majlis ringkas telah diadakan pada 16 Ogos 2024 bertempat di Galeri LAKMNS Baitul Makmur II, bagi meraikan Jawatankuasa Penerbitan Buku Menelusuri Kegemilangan LAKMNS.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS), majlis ini diadakan untuk meraikan ahli jawatankuasa serta sidang redaksi yang telah memberi sumbangan dalam menyiapkan buku Menelusuri Kegemilangan. Beliau yang berucap pada majlis tersebut turut berterima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang telah terlibat dalam penghasilan buku ini.

Jawatankuasa penerbitan buku ini adalah terdiri daripada kakitangan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) serta wakil daripada beberapa agensi dan pertubuhan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium Sarawak, Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak, Jabatan Penerangan Malaysia, Unimas, Pustaka Negeri Sarawak, Old Kuching Smart Heritage (OKESHe) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS).

Buku yang diterbitkan LAKMNS ini mengandungi susur galur penubuhan serta perkembangan masjid di bawah kendalian LAKMNS iaitu Masjid Bandaraya Kuching dan Masjid Jamek Negeri Sarawak serta perkembangan LAKMNS. Buku ini turut memaparkan maklumat tentang transformasi LAKMNS serta pencapaiannya sejak ditubuhkan.

Hadir sama pada majlis ini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said, pengarah-pengarah dan wakil agensi, pengurusan tertinggi LAKMNS serta ahli-ahli jawatankuasa penerbitan.



# LAKMNS SERAH SUMBANGAN KEPADA MASJID DAN SURAU

Pada 21 Ogos 2024 telah berlangsung majlis penyerahan sumbangan daripada Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) kepada 18 buah masjid dan surau sekitar Kuching, Samarahan dan Betong.

Sumbangan adalah berupa keperluan masjid dan surau seperti sejadah, sistem siaraya, keperluan pengurusan jenazah, naskhah al-Quran, dan lain-lain keperluan.

Hadir menyampaikan sumbangan adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohamad Feisal bin Said. Turut hadir Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan dan Perkhidmatan Puan Hajah Megawati binti Haji Julaihi serta Ketua Bahagian Masjid Jamek Negeri Sarawak, Tuan Haji Mohamad Nizam bin Haji Ahmad.



# KURSUS PENGURUSAN MAJLIS, PROTOKOL DAN ETIKET SOSIAL LAKMNS

Disediakan oleh: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, LAKMNS

Seramai 30 orang kakitangan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah mengikuti Kursus Pengurusan Majlis, Protokol dan Etiket Sosial LAKMNS, pada 26 hingga 27 Ogos 2024 bertempat di UCSI Hotel Kuching.

Peserta yang terlibat terdiri daripada kakitangan dari setiap Jabatan dan Bahagian LAKMNS. Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan berkenaan maksud dan sistem gerak kerja pengurusan majlis dan protokol, penyediaan persiapan di dalam sesuatu majlis serta meningkatkan kemahiran dalam bidang etika dan protokol.

Kursus ini dikendalikan bersama dengan pihak Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Sarawak (UPPANS) selaku penceramah jemputan iaitu Puan Saffika Kueh, Ketua Seksyen Penyelidikan, Dokumentasi dan Latihan Protokol, UPPANS. Ini bertujuan bagi memberi pengetahuan berkenaan protokol dan aspek pengurusan majlis serta elemen etiket sosial berdasarkan garis panduan dari pihak UPPANS.





# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TATTARY

Suasana meriah ketika berlangsung Sambutan Hari Kebangsaan peringkat Tadika Tahfiz Tun Abdul-Rahman Ya'kub (TATTARY) bertempat di anjung Masjid Jamek Negeri Sarawak pada 3 September 2024.

Majlis yang bermula jam 9:00 pagi ini dimulakan dengan bacaan doa oleh adik Qadir Banan bin Hanafiah dan diikuti nyanyian lagu Negaraku dan Ibu Pertiwi. Antara pengisian pada sambutan kali ini adalah "Fashion show" dari murid 4 hingga 6 tahun. Persembahan "Jalur Gemilang Aerodance" daripada kelas wing kiri, Deklamasi sajak daripada Cikgu Salida binti Saat serta "Tari Etnik Tradisional" daripada kelas wing kanan dan disusuli dengan penyampaian hadiah.

Turut hadir adalah Penyelia TATTARY, Puan Nur Aqma binti Sahari.







## SELAWAT BERGEMA DI MASJID JAMEK NEGERI SARAWAK DAN MASJID BANDARAYA KUCHING

12 Rabiulawal menjadi satu tarikh keramat bagi umat Islam seluruh dunia. Tarikh ini disambut bagi merayakan kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Sambutan ini adalah sebagai tanda penghormatan dan kecintaan umat Islam kepada Nabi Muhammad SAW, yang dianggap sebagai rahmat untuk seluruh alam.

"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." (Surah al-Anbiya', ayat ke-107)

Saban tahun, sambutan Maulidur Rasul biasanya melibatkan pelbagai aktiviti seperti tazkirah khas, bacaan selawat, dan perarakan. Di beberapa tempat, terdapat juga pertunjukan seni dan budaya yang berkaitan dengan kehidupan Nabi.

Bagi tahun ini, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menganjurkan beberapa program selama empat hari berturut-turut bersempena Maulid Nabi.

Pada 14 September, Masjid Jamek Negeri Sarawak dipenuhi dengan jemaah yang hadir untuk program Belia Berselawat yang menampilkan dua orang pendakwah tersohor dari Malaysia dan Indonesia, iaitu al-Fadhil Ustaz Wadi Annur dan al-Fadhil Ustaz Das'ad Latif. Program dimulakan dengan bacaan mauid daripada Kumpulan Ahbab El Habib.





Pada sebelah pagi 15 September pula diadakan Program Subuh Macam Jumaat bersama Ustaz Das'ad Latif di Masjid Bandaraya Kuching, manakala bertempat di Masjid Jamek Negeri Sarawak pula diadakan Kayuhan Maulidur Rasul yang telah menjadi acara tahunan LAKMNS.



PROGRAM SUBUH MACAM JUMAAT



KAYUHAN MAULIDUR RASUL



MAJLIS BERZANJI DAN MARHABAN

Manakala pada sebelah malamnya Masjid Jamek Negeri Sarawak diimarahkan dengan Majlis Berzanji dan Marhaban. Majlis dimulakan dengan berzanji dan marhaban dari kakitangan hal ehwal Islam LAKMNS dan diikuti dengan tausiah daripada al-Fadhil Ustaz Muhammad Addaha Zaidi.



MASJID JAMEK BERSELAWAT

Pada 16 September yang kebetulan dengan sambutan Hari Malaysia telah diadakan program Masjid Jamek Berselawat. Majlis yang bermula selepas solat maghrib dimulakan dengan bacaan maulid daripada Kumpulan Maulid Ahbab El Habeeb diikuti tausiah daripada al-Fadhil Ustaz Iqbal Zain al-Jauhari.

Masjid Bandaraya Kuching sekali lagi diimarahkan dengan ceramah Khas Maulidur Rasul pada 17 September 2024, kali ini menampilkan Syeikh Mahmoud al-Wosabi yang menyampaikan tazkirah bertajuk "Seandainya Rasulullah Masih Ada". Sebelum itu, para jemaah diperdengarkan dengan bacaan Maulid oleh Kumpulan Musytaq al-Musthofa.

Secara keseluruhannya, sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Islam setempat terhadap program sempena Maulidur Rasul menjadi bukti kecintaan dan penghormatan yang tinggi kepada Nabi Muhammad SAW serta mengingatkan diri tentang ajaran dan nilai-nilai yang dibawa oleh Baginda SAW.



CERAMAH KHAS MAULIDUR RASUL

# KUNJUNGAN HORMAT RUMPUN SILAT SARAWAK WILAYAH KUCHING

Pada 19 September 2024 Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menerima kunjungan daripada Rumpun Silat Sarawak (RSS) Wilayah Kuching.

Kunjungan ini adalah bagi membincangkan kerjasama antara kedua-dua pihak di samping mengeratkan silaturrahim antara LAKMNS dan RSS.

Rombongan RSS diketuai oleh Penasihat RSS Haji Mohamed Alli bin Haji Zainudin bersama ahli-ahli jawatankuasa RSS. Menyantuni rombongan adalah Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai serta Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan dan Perkhidmatan, Puan Hajah Megawati binti Haji Julaihi dan Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-masjid, Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir.





# SEMAI SEMANGAT PATRIOTISME SEJAK KECIL

Disediakan oleh: Dayang Siti Aisyah bin Mohd Atei

Kita sebagai anak Malaysia seharusnya ada rasa cinta, bangga, dan setia terhadap negara. Perasaan tanggungjawab untuk menyumbang kepada keharmonian dan kemajuan negara serta menghormati undang-undang, budaya, dan sejarahnya perlu disemai dalam diri kita. Rakyat yang berjiwa patriotik akan sentiasa berdiri teguh untuk mempertahankan negara daripada ancaman luar dan dalam, serta menghormati prinsip dan nilai-nilai yang dibawa oleh negara.

Semangat patriotisme yang dipupuk sejak kecil adalah penting dalam membentuk jati diri dan kesedaran terhadap negara. Manfaatkan usia ini sebaiknya kerana ia merupakan fasa yang sangat berharga dalam pembentukan nilai dan identiti.

Memupuk semangat cintakan negara dalam diri anak kecil memerlukan pendekatan yang menarik, kreatif, dan sesuai dengan tahap perkembangan mereka. Di tadika atau sekolah misalnya, mendengar dan menyanyikan lagu kebangsaan seperti "Negaraku" hendaklah dijadikan sebagai rutin harian. Ajar mereka cara menghormati dan mengibarkan bendera negara dengan penuh rasa bangga semasa hari kebangsaan atau acara penting.

Selain itu, penceritaan dalam bahasa mudah melalui cerita pendek atau animasi pasti menarik minat anak-anak untuk mengenali sejarah dan tokoh-tokoh negara yang memperjuangkan kemerdekaan dan berjasa dalam membangunkan negara. Pengenalan kepada sejarah ini boleh diperkukuhkan dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat-tempat bersejarah seperti muzium, tapak-tapak bersejarah atau taman negara untuk mengenalkan mereka kepada sejarah negara dan pencapaiannya.

Sempena sambutan bulan kebangsaan, pihak sekolah boleh mengadakan pelbagai aktiviti seperti perhimpunan yang diisi dengan persembahan teater pendek dan nyanyian, pertandingan puisi, mewarna atau pakaian tradisional. Dalam masa yang sama selitkan pengetahuan tentang kepelbagaian kaum, agama, dan budaya yang ada di Malaysia. Ini dapat memupuk rasa hormat dan saling menerima serta cintakan tanah air.

Manakala sebagai kesinambungan di rumah, ibu bapa boleh mengajak anak untuk menonton dan menyertai acara-acara sambutan hari kebangsaan, seperti perarakan atau majlis kibar bendera. Pengalaman ini secara tidak langsung mengajar mereka akan kepentingan negara. Dengan pendekatan yang bersepadu ini, semangat cintakan negara dapat dipupuk dengan lebih efektif dalam diri anak-anak sejak awal usia.

Secara keseluruhannya, patriotisme adalah asas penting dalam pembentukan sebuah negara yang harmoni dan maju. Menyemai semangat patriotisme sejak kecil suatu hari kelak akan melahirkan generasi yang berwawasan dan berkomitmen terhadap negara.



# MASJID BANDARAYA KUCHING: SEJARAH DAN PERKEMBANGAN



Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abdullah

Tersergam indah di atas sebuah bukit kecil, berlatarbelangkan Sungai Sarawak yang masyhur, terletak sebuah masjid yang penuh sejarah dinamakan sebagai Masjid Bandaraya Kuching. Mengelilingi struktur masjid ini tanah perkuburan Islam yang menambah ketenangan bagi mereka yang bertandang.

Kedudukannya yang strategik, di antara perkampungan melayu dan pusat bandaraya Kuching, menjadikannya tumpuan, lebih-lebih lagi dengan senibinanya yang unik.

Jika ditelusuri sejarah masjid ini, ia akan membawa kita kepada peranan Datuk Patinggi Ali yang menubuhkan masjid yang direkodkan antara yang terawal dibina di Sarawak. Ia dipercayai telah wujud sekitar tahun 1830-an, lebih tepat lagi sebelum kedatangan James Brooke ke Sarawak.

Masjid yang dibina Datuk Patinggi Ali di tebingan sungai ini dinamakan sebagai Masjid Besar Kuching, dibina ketika zaman pemberontakan dan pertelingkahan yang melibatkan penduduk tempatan. Hal ini menjadikan masjid ini bukan sahaja tempat untuk penduduk Islam berkumpul berjemaah dan mempelajari ilmu agama, malah menjadi tempat untuk penduduk untuk berkumpul dan berbincang tentang isu semasa. Tidak dinafikan masjid ini menjadi platform perpaduan dan penyatuan penduduk Islam pada ketika itu



Bulan sabit diperbuat daripada tembaga yang menghiasi kubah Masjid Besar Kuching. Hiasan ini kini dipamerkan di Muzium Islam Warisan Sarawak.

Lawatan Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman al-Haj bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Abang Haji Openg Abang Sapiee meninggalkan masjid pada Februari 1966.




Melihat kepada keperluan semasa, sekitar tahun 1852 Masjid Besar Kuching ini kemudiannya telah dinaiktaraf dan berpindah lokasi seperti yang ada kini, iaitu di atas sebuah bukit kecil yang berdekatan dengan tapak asal. Usaha naik taraf ini telah dipimpin oleh Datuk Bandar Muhammad Lana yang juga anak kepada Datuk Patinggi Ali. Seni bina masjid ini telah mengambil inspirasi daripada Masjid Demak, Jawa, Indonesia.

Sekitar tahun 1880-an, setelah berlaku kemasukan bahan-bahan pembinaan yang lebih moden seperti simen dan konkrit ke Sarawak, maka struktur Masjid Besar turut ditambah baik dengan mengubah binaan dinding, lantai dan tembok daripada bahan kayu kepada simen. Bagaimanapun, struktur bumbungnya masih mengekalkan kayu belian.

Menjelang tahun 1929, terdapat usaha untuk menaik taraf struktur masjid mengambil kira keperluan semasa iaitu penambahan penduduk serta berlaku beberapa kerosakan pada struktur masjid.





Dengan sumbangan daripada pembesar-pembesar negeri pada ketika itu, serta bantuan kewangan daripada kerajaan Brooke, maka kerja-kerja menaik taraf binaan masjid telah dilakukan pada tahun 1930. Beberapa bahagian di masjid tersebut telah diubah seperti tingkap, mimbar, serta bumbung, termasuk penambahan kubah besar yang mempunyai unsur Mesir-Mamluk.


Hasil daripada pengubahsuaian tersebut adalah seperti yang ada sebelum masjid ini dirobohkan untuk menggantikan masjid yang baharu. Sejak kerja-kerja pengubahsuaian dilakukan pada 1930 tersebut, tidak ada lagi pengubahsuaian besar-besaran pada struktur masjid ini sehinggalah ia diroboh sepenuhnya pada tahun 1967.

Keputusan untuk merobohkan masjid ini merupakan saranan daripada perdana menteri ketika itu, YTM Tunku Abdul Rahman al-Haj. Beliau yang ketika itu hadir bagi majlis pecah tanah bagi menaik taraf masjid ini pada 18 Februari 1966 menyarankan agar masjid ini dibangunkan semula. Cadangan Tunku ini adalah mengambil kira faktor peningkatan jumlah penduduk Islam semasa yang memerlukan sebuah masjid yang lebih luas dan selesa.

20 September 1968, menjadi tarikh keramat bagi masjid ini apabila ia dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni al-Marhum Sultan Haji Zainal Abidin III Mu'azzam Shah. Masjid ini sejak daripada itu telah diberikan taraf sebagai masjid negeri dan dinamakan sebagai Masjid Negeri Sarawak. Bagaimanapun apabila Kerajaan negeri melalui LAKMNS memutuskan untuk membina sebuah masjid baharu sebagai masjid negeri di kawasan Petra Jaya, yang siap sepenuhnya pada tahun 1990, Masjid Negeri Sarawak ini telah dinamakan semula sebagai Masjid Bahagian Kuching dan diberi taraf sebagai masjid bahagian. Sekitar tahun 2012, masjid ini dijenamakan semula sebagai Masjid Bandaraya Kuching.



Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj berucap pada Majlis Pecah Tanah naik taraf Masjid Besar Kuching pada 18 Februari 1966.



Masjid Negeri Sarawak yang baharu siap sepenuhnya pada September 1968.



Masjid Bandaraya Kuching pada tahun 2009

# HIJRAH DAN KEMERDEKAAN: APA YANG KITA FAHAMI?

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Saban tahun, menjelang tarikh 1 Muharram, umat Islam di seluruh pelusok dunia menyambut hari yang menandakan tahun baharu dalam tahwim Islam. 1 Muharram diraikan bagi mengingati peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dari kota Mekah ke Madinah. Penghijrahan Baginda ini bukanlah suatu perpindahan lokasi semata-mata. Ia adalah satu manifestasi kepada kebangkitan agama suci Islam yang menjadi satu-satunya wadah yang mendapat keredhaan Allah. "Innaddina 'indal laahil Islaam" (Surah Ali 'Imran, ayat ke-19), itulah yang diwahyukan Allah, tiada lain yang diterima-Nya melainkan Islam sebagai ikutan semua hamba-Nya yang beriman.

Justeru, apa yang kita fahami tentang makna hijrah ini? Harus kita fahami bahawa setiap peristiwa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW, ia pasti membawa signifikansi dan ibrah yang tertentu. Itulah yang kita fahami sebagai hikmah atau kebijaksanaan yang Allah tentukan sebagai panduan umat Islam. Menelusuri peristiwa besar ini, beberapa ibrah yang kita dapat ambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Antaranya adalah tentang kepimpinan, pemuafakatan, strategi, pengorbanan, kesetiaan, dan banyak lagi nilai-nilai murni yang dapat kita selami.

Selain itu, peristiwa hijrah ini dapat kita lihat daripada persepektif yang lain, iaitu tentang nilai kemerdekaan. Sebelum peristiwa hijrah ini berlaku, pelbagai peristiwa yang berlaku di Mekah dan keadaan tersebut telah membantut usaha penyebaran dakwah Islam.

Ketika Rasulullah SAW mula menyampaikan dakwahnya, kebanyakan orang Quraisy memilih untuk menolak risalah Baginda kerana ia dianggap bertentangan dengan amalan dan kepercayaan mereka. Namun, ada juga yang menerima Islam, termasuk beberapa sahabat terawal seperti Abu Bakar, Umar, Uthman, dan Ali.

Pada masa yang sama, para pengikut Baginda sering mengalami penindasan dan penganiayaan daripada masyarakat Quraisy. Mereka menghadapi pelbagai bentuk tekanan, termasuk penyiksaan fizikal dan emosi, yang mendorong mereka untuk berhijrah ke tempat yang lebih selamat.

Selain itu, berlaku ketidakadilan dalam masyarakat, terutama penindasan terhadap golongan wanita dan yang lemah. Wanita sering dipandang rendah, dan pelbagai amalan jahiliyah masih berlaku termasuk perhambaan.

Inilah antara cabaran yang dihadapi oleh Rasulullah SAW pada ketika itu, yang membawa kepada peristiwa hijrah ini. Hijrah Rasulullah SAW dan para pengikutnya dari Mekah ke Madinah bukan sahaja merupakan perpindahan fizikal, tetapi juga simbolik kepada pembebasan dari penindasan dan penganiayaan. Setelah penghijrahan ini dan tertubuhnya sebuah negara Islam Madinah, keadaan umat Islam bertambah baik.

Rasulullah SAW berjaya membina tamadun Islam yang berasaskan prinsip keadilan, persaudaraan, dan kerjasama. Ini merupakan langkah ke arah pembentukan identiti dan komuniti yang merdeka dari pengaruh jahiliah.

Hijrah Baginda ini juga menandakan permulaan perjuangan untuk menegakkan kedaulatan Islam. Umat Islam berusaha untuk membentuk negara yang berlandaskan ajaran Islam, yang merupakan langkah ke arah kemerdekaan dari pengaruh luar dan penindasan.

Wallahu'alam bissawab.

Rujukan:

Abu Bakr Sirajuddin, Muhammad: Riwayat Hludup Berdasarkan Sumber Terawal. (terjemahan Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources)





# DIDIK ANAK MENABUNG SEAWAL USIA

Disediakan oleh: Nurulzia binti Ibrahim

Pepatah melayu ada berkata “melentur buluh biar dari rebungunya”. Ungkapan ini amat sesuai untuk membicarakan mengenai budaya menabung yang diterapkan kepada anak kita sejak dari awal lagi. Menabung adalah sikap yang sebaiknya diajarkan kepada anak-anak sejak kecil lagi. Menabung sejak kecil memberi manfaat besar dalam membentuk pola pemikiran anak terhadap wang. Anak-anak yang dididik dengan sikap menabung dari kecil cenderung untuk menjadi kanak-kanak menghargai nilai wang, lebih baik dalam mengurus kewangan, memahami erti disiplin diri, dan memiliki kemampuan perencanaan masa depan yang lebih baik.

## 1. TUNJUKKAN CONTOH TELADAN YANG BAIK

Salah satu cara efektif untuk mendidik anak menabung adalah dengan menunjukkan contoh teladan yang baik. Ibubapa merupakan mentor / model yang baik dengan menunjukkan budaya suka menyimpan dan bijak mengurus duit. Melihat ibubapa yang aktif menyimpan duit dan merencanakan kewangan keluarga yang baik akan memotivasikan anak untuk melakukan hal yang serupa.

## 2. TERAPKAN ILMU KEWANGAN

Memberikan wang saku / duit belanja secara teratur juga merupakan langkah penting dalam mendidik anak menabung. Anak-anak dapat dididik untuk membahagi wang saku mereka menjadi tiga bahagian : bahagian 1 untuk keperluan harian seperti untuk membeli makanan dan minuman di kantin, bahagian 2 untuk kehendak seperti membeli permainan yang diidami dan bahagian ke 3 untuk tabung masa hadapan seperti membuka akaun ASB, Tabung Haji dan SSPN. Ini boleh membantu mereka memahami konsep peruntukan dana, bajet dan nilai wang.



## 3. MOTIVASI YANG BERTERUSAN

Selain itu, mengajak anak untuk menetapkan tujuan tabungan masa hadapan dapat menaikkan motivasi mereka seperti dapat pergi melancong, dapat kumpul dana Pendidikan yang mencukupi dan dapat mencapai apa sahaja keinginan anak asalkan adanya kesungguhan.

Kesimpulannya, dengan mendidik anak menabung kecil, ibubapa dapat menyediakan anak-anak dengan keterampilan dan ilmu kewangan yang sangat berharga pada masa hadapan. Hal ini tidak hanya memberi impak pada kewangan pribadi mereka, tetapi juga membantu membentuk generasi yang lebih bijak mengenai ilmu pengurusan kewangan. Membimbing anak-anak untuk memahami dan menghargai nilai wang serta pentingnya menabung adalah pelaburan jangka panjang dalam mempersiapkan mereka untuk menghadapi masa depan yang mencahar.

Rujukan

- <https://www.ptptn.gov.my/tips-mendidik-si-kecil-menabung/>
- <https://www.sumberilmiah.com/keluarga/cara-mendidik-anak-menabung-dan-menguruskan-duit/#:~:text=Sebenarnya%2C%20tidak%20erti%20kata%20%E2%80%9Cterlalu,anda%20seawal%20usia%205%20tahun.>
- <https://www.bharian.com.my/beritanasional/2022/11/1019274/ibu-bapa-adiwira-anak-rancang-kewangan-untuk-masa-depan>





Disediakan oleh : Farah Farina binti Hossien

Pada 14 Julai 2024, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah melancarkan sebuah pelan jangka panjang yang dinamakan sebagai Pelan ABC LAKMNS. Pelan ini disusun dengan bermatlamatkan untuk mewujudkan sebuah organisasi dan persekitaran yang aman, bahagia dan ceria serta memainkan peranan dalam agenda transformasi LAKMNS untuk tampil sebagai sebuah badan amanah yang mempunyai nilai korporat. ABC ini adalah merujuk kepada Aman, Bahagia dan Ceria, di mana ia menjadi matlamat kepada pelan perancangan ini.

Lanjutan daripada itu, pelan ini diwujudkan bagi membantu LAKMNS untuk mewujudkan suasana dan persekitaran yang aman, bahagia dan ceria. Secara khususnya pelan ini diadakan berdasarkan dua objektif utama, iaitu sebagai pelan tindakan strategik untuk menjadikan LAKMNS sebuah badan amanah Islam yang bertaraf dunia dan sebagai penanda aras bagi pencapaian sesuatu program yang dilaksanakan.

Konsep Aman, Bahagia dan Ceria yang diwujudkan adalah merujuk kepada suatu keadaan atau situasi yang wujud bagi pelaksanaan inisiatif yang menjadikan objektif penubuhan LAKMNS dapat dijalankan. Inisiatif yang ditetapkan ini dilaksanakan untuk menggunakan formula yang terhasil daripada penetapan pelan strategik yang disokong dengan nilai-nilai teras LAKMNS serta berpaksikan misi dan visi LAKMNS.

**Konsep AMAN** dalam pelan ABC menjurus kepada integrasi amalan keselamatan dalam setiap aspek operasi. Konsep ini membantu dalam pewujudan persekitaran yang kondusif yang mampu dicapai melalui sistem keselamatan yang efektif. Dalam konteks keselamatan siber pula, langkah berjaga-jaga harus diambil untuk menyediakan perlindungan terhadap serangan siber. Konsep 'aman' juga diaplikasikan dalam penerapan digital di tempat kerja untuk memastikan produktiviti meningkat. Selain itu, matlamat pelan 'aman' (A) adalah menyediakan persekitaran kondusif dalam keselamatan fizikal, masjid digital dan digital workplace.

**Konsep BAHAGIA** pula merangkumi pendekatan yang menitikberatkan kebahagiaan dan kesejahteraan komuniti sebagai faktor penting dalam mencapai matlamat penubuhan LAKMNS. Budaya organisasi yang profesional dan memberi keutamaan kepada kebahagiaan pekerja dapat mencipta persekitaran kerja yang dinamik dan berdaya maju. Selain itu, penganjuran program yang melibatkan komuniti melalui masjid menjadi pemangkin kepada perkembangan spiritual dan sosial. Lanjutan daripada itu, matlamat pelan 'bahagia' (B) adalah memberi penekanan kepada pengurusan profesional dan penglibatan komuniti persekitaran kondusif.

**Konsep CERIA** direalisasikan melalui kelestarian alam di sekitar masjid dan tanah perkuburan yang memfokuskan kepada landskap yang ceria di samping memanfaatkan sumber tenaga hijau. Pendekatan 'ceria' menekankan kesedaran kepada alam sekitar sebagai sumber inspirasi dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif kelestarian. Selain itu, konsep 'ceria' juga dapat dilaksanakan dengan mengintegrasikan pendidikan alam sekitar dalam pengajaran sebagai instrumen untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar dari peringkat awal pendidikan kanak-kanak. Justeru itu, matlamat pelan 'ceria' (C) LAKMNS adalah memberi penekanan kepada aspek kelestarian merangkumi inisiatif landskap dan senibina, tenaga hijau serta Kempen 3R.

Sehubungan dengan itu, pelan ABC LAKMNS ini boleh dijadikan garis panduan kepada organisasi luar untuk merangka pelan perancangan jangka panjang yang teratur.



Untuk perkongsian yang lebih lanjut mengenai Pelan ABC LAKMNS, sila imbas kod QR yang tertera.

Sumber rujukan : Siaran langsung segmen Info LAKMNS di TV IRIS pada 6 Ogos 2024 bertajuk 'Pelan ABC LAKMNS'.

Disediakan oleh: Nusrin binti Mohamad Idris

Istilah "prima facie" digunakan sebagai satu beban pembuktian yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan dalam satu-satu kes jenayah. Ianya memainkan peranan yang penting dalam menentukan sama ada sesuatu kes jenayah tersebut perlu diteruskan untuk perbicaraan penuh atau tidak.

Secara umumnya, "prima facie" berasal daripada perkataan latin yang bermaksud pada pandangan pertama ("at first sight").

Menurut Kanun Tatacara Jenayah Akta 593, suatu kes prima facie dibuktikan terhadap tertuduh jika pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan (bukti) yang boleh dipercayai yang membuktikan setiap unsur kesalahan yang jika tidak disangkal atau tidak dijelaskan akan mewajarkan suatu sabitan<sup>2</sup>.

Dalam kes *Public Prosecutor v. Ong Cheng Heong*<sup>3</sup>, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi menakrifkan kes prima facie sebagai yang berikut:

*"...A case which is sufficient to call for an answer. While prima facie evidence is evidence which is sufficient to establish a fact in the absence of any evidence to the contrary, but is not conclusive". (Emphasize added). It would follow that there should be credible evidence on each and every essential ingredient of the offence. Credible evidence is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation. Any evidence which is not safe to be acted upon, should be rejected. ..."*

Secara ringkas, pada peringkat awal perbicaraan, mahkamah perlu menilai sama ada bukti yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan mencukupi untuk membuktikan bahawa kesalahan telah dilakukan oleh tertuduh. Jika bukti tersebut mencukupi, maka kes tersebut akan diteruskan untuk perbicaraan penuh.

Untuk proses perbicaraan jenayah, pihak pendakwaan akan memulakan perbicaraan dengan membaca pertuduhan kepada tertuduh. Tertuduh akan ditanya sama ada dia bersalah atas kesalahan yang dipertuduh itu atau minta dibicarakan<sup>4</sup>. Jika tertuduh mengaku bersalah, pengakuan akan direkodkan dan dia boleh disabitkan atas akuan tersebut.<sup>5</sup> Sekiranya tertuduh enggan membuat akuan atau tidak membuat akuan atau minta untuk dibicarakan, mahkamah hendaklah meneruskan untuk membicarakan kes tersebut.<sup>6</sup>

Semasa pembukaan kes untuk perbicaraan, pihak pendakwaan akan menyatakan secara ringkas sifat kesalahan yang dipertuduh dan keterangan (bukti) yang dengannya dia bercadang untuk membuktikan kesalahan tertuduh<sup>7</sup> dan pihak pendakwaan akan memanggil saksi untuk diperiksa (examination in-chief) dan saksi-saksi pendakwaan tersebut akan diperiksa semula (cross-examination) oleh pihak pembelaan<sup>8</sup>.

Mahkamah akan menimbang dan menilai sekiranya pihak pendakwaan berjaya membuktikan wujudnya kes prima facie terhadap tertuduh<sup>9</sup>. Sekiranya mahkamah mendapati kes prima facie tidak dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan, mahkamah akan merekodkan suatu perintah pembebasan<sup>10</sup>.

Sekiranya pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh, mahkamah akan memanggil tertuduh untuk membuat pembelaan<sup>11</sup>. Maka perbicaraan akan masuk ke peringkat pembelaan dan pembelaan perlu menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Tertuduh akan memanggil peguamnya untuk membuat pembelaan dengan menyatakan fakta atau undang-undang yang diniatkan untuk disandarkan olehnya dan membuat apa-apa ulasan sebagaimana yang difikirkan perlu tentang keterangan pihak pendakwaan<sup>12</sup>.

Dalam menjalankan tanggungjawab menegakkan keadilan, mahkamah harus membuat penilaian maksimum (maximum evaluation) terhadap semua keterangan (bukti)

## PRIMA FACIE DALAM KES JENAYAH DI MALAYSIA

yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan<sup>13</sup> sebelum sesebuah kes tersebut dikatakan telah mencapai pembuktian kes prima facie. Walaupun begitu, pembuktian kes prima facie tidak boleh disamakan dengan pembuktian melangkaui keraguan munasabah (beyond reasonable doubt) pada peringkat pertengahan sesebuah perbicaraan, iaitu selepas mendengar semua saksi pembelaan memberikan keterangan, sekiranya ada.

Sebagai konklusi, prima facie adalah asas penting dalam undang-undang jenayah Malaysia untuk menapis kes yang mempunyai bukti yang kukuh untuk diteruskan ke perbicaraan penuh sekali gus melindungi hak tertuduh daripada didakwa tanpa sebab yang munasabah dan memastikan keadilan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Rujukan:

1. Thomson Reuters Practical Law Glossary "Prima Facie" <[https://uk.practicallaw.thomsonreuters.com/2-518-8779?transitionType=Default&contextData=\(sc.Default\)&firstPage=true](https://uk.practicallaw.thomsonreuters.com/2-518-8779?transitionType=Default&contextData=(sc.Default)&firstPage=true)> Diakses pada 26.08.2024.
2. Seksyen 180(4), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
3. *Public Prosecutor v. Ong Cheng Heong* [1998] 4 CLJ 209, m/s 225 para. a - c .
4. Seksyen 178 (1), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
5. Seksyen 178 (2), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
6. Seksyen 178 (3), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
7. Seksyen 179 (1), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
8. Seksyen 179 (2), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
9. Seksyen 180(1), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
10. Seksyen 180(2), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
11. Seksyen 180(3), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
12. Seksyen 181(1), Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593
13. Vincent Ng, Alex Chang & Co. 2009. Principle of Prima Facie and Maximum Evaluation at the Close of Prosecution Case < <https://alexchanglaw.com/files/VincentNgArt-PrimaFacie.pdf> > Diakses pada 26.08.2024.

# PANDUAN PEMILIHAN LAMPU SOLAR YANG TERBAIK

Disediakan oleh: Muhammad Hafiz Fadilah bin Bahar

Dewasa ini, kita sering melihat di laman-laman e-dagang seperti di Shopee, Lazada dan lain-lagi di mana lampu solar semakin mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Harga yang semakin murah, dan rekabentuk yang pelbagai dan fungsi yang menarik menjadikan lampu solar boleh dikatakan antara barang yang viral di pasaran. Bukan itu sahaja, lambakan kedai-kedai yang menjual peralatan solar juga tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Namun begitu adalah diingatkan bahawa kita haruslah menjadi pengguna yang bijak dengan berhati-hati semasa memilih lampu solar yang terbaik memandangkan sesetengah peniaga tidak memberikan maklumat yang tepat berkenaan lampu solar yang dijual menyebabkan kita membeli barangan yang tidak berkualiti. Untuk itu, kali ini penulis ingin memberikan sedikit panduan ringkas agar kita lebih berhati-hati semasa menilai lampu solar yang terbaik sesuai dengan bajet dan keperluan kita.

Semasa membuat pemilihan, kita akan melihat spesifikasi lampu yang ingin dibeli. Biasanya, lampu dengan kuasa (Watt) yang tinggi dengan harga yang paling rendah dianggap paling berbaloi untuk dibeli namun bergantung juga dengan ciri-ciri lain yang ditawarkan seperti panjang kabel, "IP rating" dan lain-lain lagi. Berikut adalah contoh informasi yang dipaparkan oleh penjual di laman sesawang e-dagang:

Secara teknikalnya 2 perkara yang perlu dinilai dalam pemilihan lampu solar ini adalah kuasa bateri yang dibekalkan dan kuasa pengecasan panel solar tersebut. Berdasarkan info di atas kapasiti bateri "lithium iron phosphate" yang ditawarkan ialah 30,000mAh (bersamaan dengan 30 AH). Justeru itu kuasa yang dapat disimpan oleh bateri mengikut formula (Kuasa (P) = Voltage (V) x Arus (I)) dengan mengambil kira nominal voltage 3.2V adalah seperti di bawah:

$$\text{Kuasa(W)} = 3.2 \text{ V} \times 30 \text{ AH} = 96 \text{ W}$$



Seterusnya kita melihat kepada kapasiti panel solar yang ditawarkan. Untuk panel solar ini penjual memaklumkan kuasa yang ditawarkan ialah 3 W. Justeru sekiranya sepanjang hari (lebih kurang 8 jam) tersebut adalah cuaca panas, maka kuasa pengecasan adalah seperti di bawah:

$$\begin{aligned} \text{Kuasa(WH)} &= 3 \text{ W} \times 8 \text{ H} \\ &= 24 \text{ WH} \end{aligned}$$

Maka di sini dapat dilihat panel solar akan membekalkan 24W berbanding kapasiti bateri yang dapat menyimpan sehingga 96W. Justeru panel solar yang ditawarkan adalah terlalu kecil dan tidak sesuai dengan kapasiti bateri yang dibekalkan di mana secara teorinya lampu solar tersebut akan menyala dengan baik dalam tempoh seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Tempoh Nyalaaan Lampu(T)} &= (24(\text{WH}) / (96(\text{W}))) \\ &= 0.25\text{H} \\ &= 15 \text{ Minit} \end{aligned}$$

Justeru itu, adalah disarankan untuk mengelakkan daripada tersilap membeli lampu solar yang sesuai, pemilihan jenama haruslah diutamakan. Namun sekiranya bajet adalah terhad maka pengiraan seperti di atas haruslah dibuat bagi menilai lampu solar yang sesuai dengan bajet yang ada.



Sumber:

1. [https://shopee.com.my/Solar-Light-Indoor-1000W-Lampu-Solar-Outdoor-Waterproof-Solar-Lamp-Super-Bright-Solar-Ceiling-Light-Range16H-Wall-Light-i.626161076.27801084064?sp\\_atk=8c4eb9a7-1a56-46b4-9ced-7ce70e8296d3&xptdk=8c4eb9a7-1a56-46b4-9ced-7ce70e8296d3](https://shopee.com.my/Solar-Light-Indoor-1000W-Lampu-Solar-Outdoor-Waterproof-Solar-Lamp-Super-Bright-Solar-Ceiling-Light-Range16H-Wall-Light-i.626161076.27801084064?sp_atk=8c4eb9a7-1a56-46b4-9ced-7ce70e8296d3&xptdk=8c4eb9a7-1a56-46b4-9ced-7ce70e8296d3)

# ADA APA DENGAN RABIUL AWAL?

Disediakan oleh: Muhammad Nur Izzat bin Muaz

Rabiul Awal merupakan bulan yang terdapat di dalam kalendar Hijrah Islam. Kedatangan Rabiul Awal antara bulan yang sangat dinantikan selain daripada bulan Ramadan. Menjadi tanda tanya apa istimewanya bulan Rabiul Awal ini? Banyak peristiwa penting di dalam Sirah yang terdapat pada bulan Rabiul Awal ini. Apabila disebut dengan Rabiul Awal maka para pencinta junjungan besar Nabi Muhammad SAW akan tahu bahawa ianya adalah bulan kelahiran insan mulia tersebut. Hakikat lahirnya insan teragung Muhammad SAW ini adalah sejarah yang merubah seluruh alam. Bahkan, Berjaya membawa Cahaya kebenaran di serata dunia sampai kehari ini berpandukan al-Quran dan Sunnah baginda.

Antara peristiwa lain yang patut kita ingat ialah, bulan Rabiul Awal ini juga berlakunya hijrah Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah. Mengikut sirah, baginda keluar meninggalkan Kota Makkah pada awal Rabiul Awal. Perjalanan memakan masa lebih 12 hari akhirnya baginda tiba di Madinah pada 12 Rabiul Awal bersamaan 28 Jun tahun 622 Masihi.

Selain daripada itu, antara perkara yang besar terjadi pada bulan Rabiul Awal ialah tentang wafatnya Baginda Rasulullah SAW. Walaupun tidak pernah berjumpa dengan Baginda akan tetapi kesedihannya masih dirasa hingga ke hari ini. Allah SWT befirman:

"Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tidak menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)." (Surah Ali Imran, ayat 144)



Dalam perkara ini, apabila menceritakan peristiwa mengenai Rasulullah SAW dan banyak perkara yang berlaku dan juga banyak kelebihan yang terdapat pada bulan Rabiul Awal ini. Walaupun secara tidak langsung membincangkan mengenai ibrah Sirah ini, akan tetapi cukup sekadar mengingatkan tarikhnya sudah cukup membanggakan kita sebagai orang yang mencintai Rasulullah SAW. Setiap Peristiwa yang terjadi pada bulan Rabiul Awal ini memberi semangat agar sentiasa mengingatkan insan teragung Muhammad SAW. Mengingati adalah bukti utuh cinta kita kepada Baginda Rasulullah SAW.

Rujukan:

Ketua Unit Bahasa Arab. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 2021. Peristiwa Besar Rabiul Awal. <https://www.hmnetro.com.my/rencana/2021/10/763819/peristiwa-besar-rabiulawal>  
Al-Quran Mushaf Uthmani





Disediakan oleh: Nursyafiqah binti Sulaiman

12 Rabiulawal merupakan tarikh yang sangat bermakna dalam sejarah umat Islam di seluruh dunia. Kelahiran kekasih teragung Rasulullah SAW pada waktu dan ketika ini merupakan rahmat terbesar Allah SWT buat seluruh alam. Setiap tahun menjelang Rabiulawal, menjadi satu ingatan besar buat semua kaum Muslim. Memperingati waktu kelahiran Nabi Muhammad SAW adalah sebagai tanda cinta dan kasih umat kepada Baginda. Nabi Muhammad SAW adalah nabi terakhir yang diutus oleh Allah SWT. Disebutkan di dalam al-Quran, salah satu tujuan Nabi Muhammad SAW diutus ke muka bumi adalah sebagai pembawa rahmat bagi seluruh alam.

Mendalami cinta kepada Rasulullah SAW mestilah sepanjang masa, bukan pada waktu tertentu sahaja.

Antara amalan yang boleh dilakukan untuk memupuk rasa cinta kepada kekasih Allah secara berterusan adalah :

### 1. MEMPERBANYAKKAN MEMBACA SIRAH NABI MUHAMMAD SAW.

Salah satu usaha bagi menggerakkan cinta kepada junjungan Nabi Muhammad SAW adalah dengan membaca perjalanan hidup Baginda, ujian yang ditempuhi sepanjang mengembangkan Islam, cabarannya dan mencontohi keelmbtan akhlak Baginda. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 :

Maksudnya : Sesungguhnya, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri tauladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingat Allah.

# KELAHIRAN INSAN TERAGUNG

## 2. SENTIASA BERSELAWAT KEPADA RASULULLAH SAW

Firman Allah didalam Surah Al-Ahzab ayat 56:

Maksudnya : Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepada Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.

Jika Allah dan para malaikat sentiasa mengingati Rasulullah, kita sebagai umat Baginda seharusnya sentiasa mengingati baginda yang telah banyak bekorban untuk menyampaikan risalah Islam dengan pelbagai rintangan, dugaan dan cabaran sehingga sanggup mengorbankan nyawa demi untuk menegakkan agama Allah.

Ulama menyatakan bahawa apabila seseorang banyak menyebut kekasihnya, mengingatnya dihati, mengingati kebaikan-kebaikan dan perkara-perkara yang boleh melahirkan perasaan cinta kepadanya maka semakin berlipat ganda kecintaannya kepada kekasihnya tersebut dan bertambah rindu kepadanya. Apabila dia tidak menyebutnya sama sekali, tidak mengingatnya dan kebajikannya, maka akan berkurangan rasa cinta dihatinya.

## 3. MENGHIDUPKAN SUNNAH

Mencontohi, mengikuti Rasulullah dan berjalan di atas manhaj Baginda serta berpegang teguh dan mengamalkan seluruh perkataan dan perbuatan Baginda, adalah bukti kuat bahawa seseorang itu cintakan Rasulullah. Bahkan orang yang benar-benar mencintai Rasulullah adalah orang yang mengikuti Rasulullah SAW secara zahir dan batin serta selalu menyesuaikan perkataan dan perbuatannya dengan sunnah Baginda. Menghidupkan sunnah dan mengikuti Rasulullah dalam setiap langkah kehidupannya adalah bukti kecintaan kepada Rasulullah sepertimana juga menjadi bukti kecintaan kepada Allah. Allah SWT berfirman di dalam Surah Al-Imran ayat 31:

Maksudnya : Katakanlah (Muhammad), "Jika kamu mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mencintaimu dan mengampuni dosa-dosamu." Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.

Semoga dengan kita mengetahui tanda-tanda orang yang mencintai Rasulullah akan menambahkan lagi kasih sayang kita dan juga kerinduan kepada junjungan besar Baginda dan tidak akan sesekali cinta kita kepada Baginda Rasulullah terpadam sehingga akhir hayat.

# TENAGA HIDRO: ALTERNATIF BERSIH UNTUK MASA DEPAN SARAWAK



Gambar Hiasan

Disediakan oleh: Abang Zulkernain bin Abang Yusuf

Tenaga hidro adalah tenaga yang dimanfaatkan dari jatuhan air atau air yang mengalir. Tenaga ini ditukar menjadi tenaga elektrik dengan menggunakan empangan untuk mengawal aliran air. Kelajuan aliran ini akan menggerakkan turbin yang menjana tenaga elektrik. Justeru, penggunaan tenaga hidro mempunyai potensi untuk mengurangkan jejak karbon berbanding dengan sumber tenaga fosil.

Penggunaan tenaga hidro sebagai sumber tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui adalah selaras dengan ajaran Islam yang menekankan penjagaan dan keseimbangan alam sekitar. Firman Allah s.w.t dalam surah Qaf, ayat 9 ;

**Maksudnya: Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai;**

Ayat ini jelas menyatakan bahawa hujan adalah sumber yang dikurniakan oleh Allah s.w.t bagi manfaat manusia dan seluruh alam. Projek tenaga hidro yang dirancang dengan baik boleh menyediakan tenaga yang diperlukan untuk pembangunan dan kemajuan, tanpa mengorbankan keseimbangan ekosistem.



Di Sarawak, fokus utama sumber tenaga yang boleh diperbaharui ialah tenaga hidro. Keadaan iklim di Sarawak terutama hujan lebat dan sungai menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembangunan sumber tenaga ini. Justeru sehingga artikel ini ditulis, Sarawak telah membina tiga loji hidroelektrik iaitu; empangan Batang Ai, Bakun dan Murum yang berkeupayaan menjana sejumlah 3,452 megawatt tenaga elektrik selain beberapa loji kuasa hidro kecil bagi kegunaan kawasan luar bandar dan kampung-kampung terpencil. Di masa akan datang, Sarawak berpotensi untuk menjadi peneraju untuk peralihan tenaga di rantau Asia Tenggara.

Secara keseluruhan, penggunaan tenaga hidro dalam Islam adalah selaras dengan ajaran agama yang mengutamakan pemeliharaan alam sekitar dan keadilan sosial. Ia menawarkan cara yang berkesan dan lestari untuk memenuhi keperluan tenaga, sambil memelihara keseimbangan dan keharmonian yang ditekankan dalam ajaran Islam. Oleh yang demikian, pembangunan sumber tenaga yang seimbang dengan menitikberatkan kesan terhadap alam sekitar dan penduduk setempat perlu diberi keutamaan untuk memastikan Sarawak berada di hadapan dalam menempuh arus kemajuan dengan memanfaatkan teknologi hijau.

Rujukan:

- [1. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-komited-utamakan-tenaga-bersih-bagi-tangani-ketidakkonsistenan-tenaga-boleh-baharu-479492](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-komited-utamakan-tenaga-bersih-bagi-tangani-ketidakkonsistenan-tenaga-boleh-baharu-479492)
- [2. https://limbang.sarawak.gov.my/web/subpage/news\\_view/911](https://limbang.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/911)
- [3. https://www.mida.gov.my/ms/berita-mida/tenaga-hidro-kekal-fokus-utama-sumber-tenaga-sarawak/](https://www.mida.gov.my/ms/berita-mida/tenaga-hidro-kekal-fokus-utama-sumber-tenaga-sarawak/)
- [4. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tenaga-hidro-kekal-fokus-utama-sumber-tenaga-sarawak-abang-johari-421962](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tenaga-hidro-kekal-fokus-utama-sumber-tenaga-sarawak-abang-johari-421962)
- [5. https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/11/sarawak-energy-komited-majukan-tenaga-hidro-tenaga-boleh-diperbaharui-di-malaysia](https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/11/sarawak-energy-komited-majukan-tenaga-hidro-tenaga-boleh-diperbaharui-di-malaysia)
- [6. https://www.renovablesverdes.com/ms/apa-itu-tenaga-hidroelektrik/](https://www.renovablesverdes.com/ms/apa-itu-tenaga-hidroelektrik/)

# KELAS AL-QURAN & IQRA



- Setiap hari Rabu, Khamis dan Jumaat
- 7.15 – 9.15 malam
- Terbuka untuk pelajar berumur 7 sehingga 17 tahun
- Yuran RM 20.00 sebulan

Sila hubungi 014-877 2462  
(Pusat Kecemerlangan MASJA-SA)  
untuk sebarang pertanyaan

**DAFTAR SEKARANG!**



Sila imbas QR Code